

## **Implementasi Pemeriksaan Kebolehgunaan Menggunakan Kaedah Penilaian Pakar Dalam Fasa Penilaian Modul Robot M-solat**

### **ABSTRACT**

Fasa penilaian merupakan salah satu fasa penting dalam kajian Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP). Terdapat pelbagai kaedah yang dapat digunakan dalam fasa ini, namun demikian pengkaji perlu memilih kaedah yang bersesuaian bagi memastikan objektif kajian tercapai. Sehubungan itu, kajian ini mengimplementasikan penilaian pemeriksaan kebolehgunaan Modul Robot M-Solat menggunakan kaedah penilaian panel pakar. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan Borang Soal Selidik USE yang dianalisis menggunakan Kaedah 'Percentaged Calculation Method (PCM)'. Hasil kajian menunjukkan kebolehgunaan Modul Robot M-Solat dari aspek kebergunaan = 90.2%, kemudahgunaan = 88.4%, kemudahpelajaran = 90.1% dan kepuasan = 91.7%. Penilaian pemeriksaan kebolehgunaan menggunakan kaedah penilaian panel pakar dalam kajian ini membolehkan objektif kajian tercapai. Oleh itu, kajian ini mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menggunakan kaedah penilaian pakar dalam penilaian kebolehgunaan bagi kajian yang melibatkan penilaian pemeriksaan kebolehgunaan sesuatu inovasi baru.